



TEKS UCAPAN PRESIDEN ANGKASA YBHG DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH

SESI BERSAMA PRESIDEN ANGKASA

**18 SEPTEMBER 2023 | 2.30 PETANG
AUDITORIUM ANGKASA KELANA JAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari
pengacara majlis,
(Salutasi)

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Salam Malaysia Madani,
Salam Perpaduan dan Salam Koperasi

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah marilah kita memanjatkan rasa syukur yang tidak

terhingga ke hadrat Allah S.W.T atas Rahmat dan limpah kurnia Nya kerana pada hari ini kita sekali dapat berkumpul untuk Sesi Bersama Presiden bagi bulan September 2023.

2. Ingin juga saya alu-alukan kehadiran seluruh Anggota Lembaga, Pengurus JPAN dan juga warga kerja ANGKASA

serta anak syarikat di seluruh negara yang komited untuk mengikuti perjumpaan pada pagi samada secara fizikal di dalam auditorium ini mahupun secara dalam talian.

3. Saya berharap perjumpaan yang diadakan setiap bulan ini dapat memperjelaskan lagi apa – apa aktiviti

serta perkembangan ANGKASA dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai badan puncak gerakan koperasi. Tanggungjawab ini pula digalas oleh kita semua bagi memastikan segala usaha diterjemah kepada kemajuan bertersusan gerakan ini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

4. Tarikh 16 September merupakan satu lagi detik bersejarah buat negara. Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman, telah mengisytiharkan

pembentukan Persekutuan Malaysia pada tarikh ini 60 tahun yang lalu.

5. Usaha membentuk Persekutuan Malaysia bukanlah sesuatu yang mudah. Prosesnya memakan masa yang panjang dek kerana mencari titik persefahaman dan juga permuafakatan antara Sabah,

Sarawak, Singapura dan negeri di Tanah Melayu. Menerusi pahit getir perjuangan pemimpin pada masa itu maka lahirlah Malaysia, sebuah negara yang harmoni dengan kepelbagaian kaum, agama dan bangsa.

6. Begitu juga perihalnya dengan penubuhan dan kemajuan organisasi kita ini. Penubuhan ANGKASA dimuktamadkan sewaktu Kongres Kerjasama Malaysia Kedua oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 1971.
7. Pada 12 Mei 1971, ANGKASA atau Angkatan Kerjasama Kebangsaan

Malaysia Berhad telah didaftarkan dan ditukarkan namanya kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad pada 18 Januari 1980. Seawal tahun 1972 kita telah menyertai International Cooperative Alliance (ICA) kerana visi dan misi untuk melihat gerakan koperasi bergerak jauh kehadapan merentasi sempadan.

8. Sehingga pada 23 Mei 1996, barulah ANGKASA diiktiraf oleh Kerajaan sebagai badan puncak mewakili gerakan koperasi di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Sebagai badan puncak kita telah melalui zaman transformasi yang pelbagai bagi memastikan gerakan koperasi ini

terus kekal relevan dalam lapangan ekonomi masa kini.

9. ANGKASA mengambil pendekatan menubuhkan anak syarikat pertamanya pada Disember 2012, MyANGKASA Holdings Berhad. Anak syarikat ditubuhkan bagi meneroka perniagaan baharu yang berimpak

tinggi supaya gerakan koperasi juga mendapat peluang dan sentiasa berdaya daya saing dengan pemain industri di luar sana.

10. Sebagai sebuah organisasi, banyak perit jerih telah dilalui oleh pemimpin dan kakitangan, baik yang dahulu maupun yang ada sekarang ini. Jadi

saya seru semua yang ada di dalam dewan ini, kita tekadkan dalam hati untuk sentiasa memberikan yang terbaik dari segi gerak kerja mahupun hubungan dengan pemegang taruh ANGKASA.

11. Janganlah kita membuat tindakan yang akan meruntuhkan organisasi. Ini

tempat kita mencari rezeki untuk keluarga serta gudang pahala selagi mana kita Ikhlas melakukan kerja kita demi kemajuan koperasi. Kita mahu pastikan organiasi ini diwarisi bukan sahaja generasi selepas ini malah untuk generasi seterusnya yang akan memastikan keutuhan gerakan koperasi di negara ini

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

12. Di kesempatan ini ingin saya mengucapkan setinggi – tinggi syabas dan tahniah kepada Kontjen ANGKASA yang telah melangkah sederap penuh bermaruah pada Perbarisan Hari Kemerdekaan di

Putrajaya pada 31 Ogos yang lepas yang disertai seramai 117 individu. Sebagai Presiden saya amat berbangga dengan komitmen dan persembahan yang ditunjukkan oleh warga kerja ANGKASA, anak syarikat dan koperasi.

13. Difahamkan penyelaras dari Angkatan Tentera Malaysia juga turut memuji kontijen ANGKASA dengan kekemasan dan komitmen ditunjukkan biarpun hanya mendapat latihan selama 10 hari berbanding agensi lain yang telah bermula seawal 2 bulan sebelum perbarisan rasmi.

14. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada 75 individu yang terdiri daripada kakitangan ANGKASA dan juga orang awam yang telah menyertai kempen derma darah yang dianjurkan sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023. Sesungguhnya sumbangan ini menunjukkan anda cakna akan isu

bekalan darah amat yang diperlukan oleh pihak hospital bagi memenuhi keperluan rawatan kesihatan khususnya untuk kes kecemasan. Semoga amalan menderma darah ini menjadi ibadah yang pastinya diberi ganjaran pahala oleh Allah S.W.T.

15. Sehingga di sini sahaja ucapan saya pada hari ini. Selamat menyambut Hari Malaysia ke – 60 kepada semua kakitangan ANGKASA dan semoga kita semua terus komited dalam memajukan organisasi agar kekal sebagai badan puncak yang sentiasa menjalankan tanggungjawabnya kepada gerakan koperasi.

Sekian wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.